



JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**MITRA.100-9/1/1 (4)**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **MAJLIS LIBAT URUS BELANJAWAN 2025 PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA BERSAMA PENGERUSI JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS KHAS UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (JPPK MITRA), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)**

**PUTRAJAYA, 24 OGOS 2024** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Libat Urus Belanjawan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia bersama Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MITRA, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

2. Majlis Libat Urus ini bertujuan untuk memberikan input atau pandangan kepada pihak Kementerian Kewangan berkaitan inisiatif atau dasar dan polisi bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India untuk diterapkan dalam Belanjawan 2025.
3. Seramai hampir 200 pemegang taruh mewakili semua pihak, termasuk rakyat, pemegang taruh, pemimpin masyarakat, dan pelbagai pemain dalam sektor ekonomi supaya dapat memberikan impak yang signifikan dalam merangka dasar dan pelaksanaan yang lebih baik.
4. Sepanjang sesi ini berlangsung, semua pemegang taruh telah memberikan pandangan dan input yang memberansangkan yang boleh membantu Kementerian Kewangan dalam merangka Belanjawan 2025.
5. MITRA akan bersama-sama dengan masyarakat India untuk membina sebuah belanjawan yang bukan sahaja memenuhi keperluan ekonomi tetapi juga mencerminkan aspirasi sosial dan budaya kepada negara tercinta.

6. MITRA juga dalam persiapan untuk membuka permohonan geran bagi tahun 2025 kepada Organisasi pada bulan Oktober 2024 ini. Pihak MITRA akan proses permohonan tersebut tersebut dan tawaran geran dijangka akan dilaksanakan pada bulan Januari 2025.
7. Bagi tahun 2025, selain melaksanakan program-program berbentuk bantuan kebajikan seperti bantuan subsidi dialisis dan tadika serta bantuan pengajian tinggi, MITRA akan fokus lebih kepada program-program pemerkasaan individu bagi meningkatkan kekayaan/ekuiti masyarakat Malaysia India.
8. Perkara ini akan dilaksanakan melalui program-program pembangunan keusahawanan khususnya dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS-*Small & Medium Enterprise-SME*) serta upskilling dan reskilling dalam bidang *niche area* seperti tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan teknologi memuncul (*emerging technology*) yang dapat membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat India secara holistik.
9. Selain pemberian geran, MITRA juga akan memastikan informasi berkaitan peluang berkaitan inisiatif-inisiatif sedia ada Kerajaan sampai ke akar umbi masyarakat. Ini dapat memastikan masyarakat Malaysia India tidak hanya bergantung kepada peruntukan RM100 juta ini malah mengambil peluang dan ruang yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
24 OGOS 2024**